

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

PROSEDUR MEMOHON PEMBELAAN OLEH ISTERI-ISTERI TERANIAWA DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU

Pendahuluan

Bagi setiap kes yang dikemukakan ke mahkamah untuk diadili, ianya perlu melalui prosedur tertentu yang telah ditetapkan secara formal di dalam undang-undang. Ia merupakan tatacara yang mesti dipatuhi bagi tujuan mendapatkan keputusan kepada sesuatu persengketaan. Prosedur juga perlu diikuti untuk mendapatkan keputusan terhadap persengketaan secara rasmi dan sah di sisi undang-undang.

Di Malaysia, semua mahkamah syariah di setiap negeri adalah tertakluk kepada enakmen prosedur masing-masing dalam mengendalikan setiap tuntutan kes yang dikemukakan. Bagi kes-kes yang dikemukakan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, termasuk kes-kes yang melibatkan penganiayaan isteri, prosedurnya adalah tertakluk kepada Enakmen Acara Sivil Syariah Negeri Kelantan No.5 Tahun 1984.

Menurut Prof. Mahmud Saedon, Kelantan adalah antara negeri yang mengasingkan prosedur malnya daripada Enakmen Pentabiran Undang-Undang Keluarga Islam. Selain daripada itu, enakmen yang mengandungi dua ratus tujuh

puluh lima seksyen ini juga adalah antara enakmen acara mal yang terperinci, kemas dan teratur¹.

Untuk tujuan perbincangan seterusnya di dalam bab ini, penulis akan membincangkan beberapa prosedur terpilih sahaja khasnya yang banyak berkaitan dengan prosedur bagi kes-kes melibatkan isteri teraniaya yang berlaku di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Prosedur ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu prosedur berkenaan hak perundangan yang boleh dituntut dan perkara-perkara sokongan untuk dituntut yang melibatkan prosedur mahkamah.

4.1 Hak Perundangan Yang Boleh Dituntut dan Prosedur Mengenainya

Bagi isteri-isteri teraniaya, mereka mempunyai hak untuk menuntut peruntukan undang-undang yang ada di dalam EKIK 1983 seperti taklik, fasakh atau khulu'. Dalam menuntut hak perundangan ini, terdapat prosedur tertentu yang perlu diikuti.

4.1.1 Perintah Tegahan (Injunksi)

Perintah tegahan atau injunksi ialah perintah perlindungan kehakiman yang mana dengannya seseorang diperintahkan untuk menahan diri dari melakukan atau

¹ Mahmud Saedon Awang Osman (1998), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 264.

tidak melakukan sesuatu atau supaya melakukan sesuatu perkara atau perbuatan tertentu².

Peruntukan mengenai perintah tegahan atau injunksi terdapat di dalam sek. 114 EKIK 1983. Seksyen berkenaan yang bertajuk tegahan terhadap gangguan menyebutkan:

"mahkamah adalah berkuasa dalam masa perbicaraan hal ehwal suami isteri masih berjalan atau pada atau selepas membuat sesuatu perintah perceraian, fasakh, atau pembatalan, memerintahkan seseorang menahan dirinya dari mengganggu atau menceroboh dengan apa-apa cara pun ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isteri."

Menurut Y.A. Nik Najib³, dari segi amalannya perintah tegahan biasanya dikeluarkan untuk melindungi mangsa (hampir keseluruhannya isteri) yang masih diganggu semasa perbicaraan atau selepas bercerai. Pihak yang memerlukan perintah tegahan perlu membuat permohonan bertulis sendiri atau melalui peguamnya kepada pihak mahkamah.

Tidak ada borang khusus bagi memohon mendapatkan perintah tegahan disediakan. Setelah menerima surat permohonan untuk perintah tegahan, mahkamah akan melihat dan mengambil kira keterangan dari pihak pemohon yang beliau sering

² Nekoo, Ravindran (1998), *Practical Guide to Civil Procedure in Malaysia*, Kuala Lumpur: International Law Book Series, h. 97. Lihat juga: Sir John George Woodroffe (1988), *The Law Relating to Injunctions*, Culcutta: S.C. Sarkar and Sons, h. 13.

³ Temubual dengan Y.A. Nik Najib bin Che Hasan, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada 28 Oktober 2001. Beliau mengambil tempat Y.A. Haji Wan Yahya Wan Mamat yang berpindah ke Mahkamah Tinggi bermula Ogos 2001.

diganggu. Dalam hal ini juga, tiada saksi atau bukti diperlukan. Kemudian mahkamah akan mengeluarkan surat dengan nombor rujukan yang diberi tajuk Perintah di Bawah Seksyen 114 dengan ditandatangani oleh Y.A. Hakim Mahkamah Rendah. Surat perintah ini akan dihantar kepada YKT dan salinannya akan diberikan kepada pemohon dan peguamnya. (Contoh Perintah Tegahan lihat Lampiran 8)

Maksud gangguan dalam perintah tegahan ini adalah segala bentuk gangguan yang membawa maksud keganasan termasuk terhadap fizikal, emosi dan harta benda. Ini bermakna, jika pada masa perintah tegahan dikeluarkan YM dan YKT masih suami isteri, tiada halangan untuk mereka tinggal bersama, melakukan hubungan suami isteri, berkongsi menggunakan kereta dan sebagainya asalkan tidak ada perbuatan aniaya⁴.

Tempoh sah sesuatu perintah tegahan adalah sehingga perbicaraan tamat atau jika selepas tamat perbicaraan atau bercerai isteri masih bimbang gangguan bekas suaminya mahkamah bolehlah mengeluarkan perintah tegahan yang baru pula⁵. Jika berlaku pelanggaran terhadap perintah tegahan ini pihak yang menerima perintah boleh dikenakan hukuman kerana melanggar perintah mahkamah. Hukumannya boleh dilihat dalam Sek.31 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2/85 yang berbunyi:

"sesiapa yang mengengkar, melanggar, membantah, mengeji, menghina atau enggan mematuhi mana-mana perintah mahkamah

⁴ Temubual dengan Y.A. Nik Najib bin Che Hasan, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada 28 Oktober 2001.

⁵ Y.A. Haji Wan Yahya bin Wan Mamat

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.”

Kebiasaannya dalam kes-kes penganiayaan isteri, Perintah Tegahan diminta oleh pihak isteri (YM) jika terdapat kebimbangan suami akan terus menganiaya sepanjang tempoh perbicaraan atau selepas perceraian. Namun begitu, ada kes suami (YKT) memohon mendapatkan perintah tegahan semasa perbicaraan kerana isterinya (YM), sentiasa mengganggu dan menjatuhkan maruahnya di hadapan orang ramai dengan mencaci dan memaki hamunnya.

Selain daripada itu YM juga boleh memohon perintah perlindungan sementara daripada Mahkamah Majistret tempatan seperti yang dilakukan dalam kes *Napisah Mohd Zin Iwn. Roslan bin Yaacob*⁶. Kes ini turut mendapat perhatian dan campurtangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kota Bharu disifatkan oleh pegawaiannya sebagai amat serius. YM terpaksa berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan selama sebulan lebih kerana YKT mengancam mencederakan dirinya. Dengan bantuan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, Napisah berjaya mendapatkan Perintah Perlindungan Interim Semasa Menunggu Penyiasatan dibawah sek.4 Akta Keganasan Rumahtangga. (lihat Lampiran 9)

⁶ Kes Taklik no. 143/97

4.1.2 Permohonan *ex-partे*⁷

Maksud permohonan *ex-partе* ialah satu permohonan di mana mahkamah membuat keputusan setelah mendengar keterangan daripada satu pihak sahaja⁸. *Ex-partе* merupakan satu permohonan, ia bukannya perbicaraan dan bersifat sementara.

Tidak ada huraian secara langsung mengenai maksud *ex-partе* di dalam EKIK 1983.. Bagi kes-kes keganasan terhadap isteri khasnya, *ex-partе* berlaku dalam keadaan suami ghaib dan tidak dapat dikesan. Setelah prosedur penyampaian saman dibuat, tetapi saman tidak dapat diserahkan kepada YKT dan kemudian prosedur saman gantian dengan menampal notis dan iklan ditempat-tempat yang difikirkan sesuai atau akhbar-akhbar, tetapi YKT masih tidak dapat dikesan. Dalam keadaan ini, mahkamah akan menjalankan perbicaraan berdasarkan permohonan secara *ex-partе*.

Mengenai saman ganti ianya dijelaskan di dalam sek. 48 yang berbunyi:

(1) *Apabila Mahkamah berpuashati bahawa pihak yang tidak memberi alamat penyampaian, pada tarikh saman atau mana-mana dokumen lain untuk disampaikan berada di dalam Negeri atau Persekutuan dan ada sebab bagi mempercayai bahawa orang itu sentiasa mengelakkan diri dari penyampaian disempurnakan ke atasnya, atau bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman atau dokumen itu disampaikan secara biasa, mahkamah boleh*

⁷ Dari segi bahasa, perkataan *ex-partе* berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud “pada sebelah bahagian sahaja”. *Ex-partе* juga bermaksud bagi pihak. Ia digunakan pada tajuk-tajuk laporan undang-undang bersama nama orang yang membuat permohonan kepada mahkamah dalam sesuatu kes. Manakala permohonan/perbicaraan *ex-partе* ialah perbicaraan yang di hadiri oleh sebelah pihak sahaja. (Kamus Undang-Undang, c.1, Shah Alam: Fajar Bakti, 1995, h. 217.)

⁸ *Craig lvn. Kassen* (1943) 1 All ER 108.

memerintah saman atau dokumen itu disampaikan dengan menamparkan salinannya di tempat-tempat yang senang dilihat di bangunan Mahkamah dan juga di bahagian yang senang dilihat di bangunan di mana pihak yang akan disampaikan itu terakhir tingal atau dengan secara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh juga dalam mana-mana perkara yang tergulung di dalam seksyen kecil (1) membuat perintah supaya penyampaian dibuat secara iklan dalam akhbar tempatan atau akhbar-akhbar sepertimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(3) Penyampaian ganti hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti penyampaian pada diri orang itu sendiri.

(4) Di dalam perkara penyampaian ganti ini, Mahkamah apabila perlu, hendaklah menetapkan masa bagi pihak kena serah itu untuk hadir dalam mahkamah.

Manakala peruntukan membenarkan perbicaraan dengan kehadiran sebelah pihak atau *ex parte* dinyatakan dalam sek.118 (1) (b) Enakmen Acara Sivil Syariah 5/84:

“ Jika sesuatu tindakan dipanggil-defenden tidak hadir, Mahkamah boleh (tertakluk kepada bukti formal penyampaian)-

(i) di mana tuntutan itu adalah jumlah-jumlah tertentu, memberi penghakiman kepada plaintif dengan serta merta;

(ii) dalam lain-lain kes membicara dan memutuskan tindakan di dalam ketidakhadirannya.”

Dalam hal ini perbicaraan diteruskan dan keputusan akan dibuat tanpa kehadiran suami. Bagi kes permohonan cerai kerana penganiayaan yang biasanya dimohon dibawah taklik, mahkamah akan mengesahkan perceraian tanpa kehadiran suami setelah YM mengemukakan dua orang saksi lelaki atau mengemukakan bukti dan melafazkan sumpah istizhar (Contoh lafaz sumpah istizhar-lihat Lampiran 2).

Sebagaimana dalam kes *Shakiah binti Mohd. Daud Iwn. Tuan Mustapha bin Tuan Man*⁹. YKT tidak hadir ke mahkamah sebanyak dua kali walaupun saman telah diserahkan kepadanya dan dimaklumkan mengenai tarikh perbicaraan. Oleh itu mahkamah memutuskan untuk membuat keputusan tanpa kehadiran suami setelah YM berjaya membuktikan kenyataannya dengan membawa dua orang saksi lelaki dan bersetuju melafazkan sumpah istizhar. Dalam kes ini mahkamah memutuskan telah berlaku perbuatan menganiayai isteri dan mahkamah mensabitkan jatuh satu talak khul'ie jika isteri memberikan kepada mahkamah sebanyak RM 1.00.

4.1.3 Pembatalan kes

Tidak semua tuntutan yang didaftarkan berakhir sehingga mahkamah memberi keputusan. Terdapat sebilangan tuntutan dibatalkan atas beberapa sebab. Pembatalan tuntutan berlaku dalam beberapa keadaan. Pertama, kes dibatalkan oleh pihak yang mengemukakan tuntutan itu sendiri. Kedua, kes dibatalkan oleh mahkamah. Kes yang dikemukakan kepada mahkamah boleh dibatalkan atau ditarik balik oleh pihak yang menuntut sendiri. Kebenaran ini dapat dilihat dalam sek. 91 Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984 yang menyebutkan:

"Plaintif boleh, pada bila-bila masa sebelum penghakiman, menarik balik mana-mana prosiding sepenuh atau sebahagian darinya dengan memberi notis kepada defenden."

⁹ Kes Taklik No. 70/94.

Ia banyak berlaku dalam kes-kes tuntutan pengesahan cerai taklik kerana menganiayai isteri. Tidak ada prosedur khusus untuk menarik balik tuntutan. Dalam keadaan pembatalan tuntutan oleh pihak yang mengemukakan tuntutan, amalan yang biasa dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu ialah YM sendiri atau peguamnya menulis surat kepada mahkamah memaklumkan ingin menarik balik tuntutan yang telah dikemukakan. Alasan yang biasa diberikan ialah kerana telah berbaik semula dengan suami dan memikirkan masa depan anak-anak.

Misalnya dalam kes *Wan Zarina binti Yusof Iwn Mohd. Fahdzi bin Yusoff*¹⁰. Kes tuntutan cerai kerana menganiayai isteri ini didaftarkan pada 21/4/96. Pada 5/8/1996 YKT membuat pernyataan pembelaan menafikan pernah menganiaya YM, malah mendakwa YM telah nusyuz kerana keluar rumah tanpa izinnya.

Walau bagaimanapun, YKT sedia menceraiakan YM jika YM membayar sebanyak RM 2 000. Kes ini kemudiannya ditangguhkan ke tarikh 8/8/1996, tetapi kedua-dua YM dan YKT tidak hadir. Sekali lagi kes ini ditangguhkan ke tarikh 20/11/1996. Tetapi pada 12/8/1996, YM dan YKT hadir ke mahkamah memberitahu bahawa mereka telah berbaik semula dan berjanji tidak akan mengulangi peristiwa lepas.

¹⁰ Kes Taklik no. 44/96.

Begin juga dengan kes *Suaini binti Alias lwn. Zulkifli bin Abdul Hamid*¹¹.

YM telah menulis surat kepada mahkamah menarik balik tuntutan kerana suaminya telah berjanji menyelesaikan masalah mereka dengan baik demi kepentingan anak-anak.

Terdapat juga pihak yang mengemukakan tuntutan atau peguamnya meminta kes ditarik balik kerana suami telah melafazkan talak ke atas isteri sebelum mahkamah membuat keputusan.

Contohnya dalam kes *Sabariah binti Osman lwn. Hamilan bin Ismail*¹². YM dan YKT telah berkahwin pada 14/12/1983 dan dikurniakan empat orang anak. Sepanjang perkahwinan suami isteri ini sering berselisih pendapat dan YKT kerap mengasari YM. Pada 17/10/1999 berlaku pergaduhan besar antara YM dan YKT dimana YKT telah menampar bahagian belakang telinga YM hingga menjaskan pendengaran.

YM kemudiannya membuat laporan polis dan mendapatkan rawatan di Hospital Kota Bharu. Tuntutan mengesahkan cerai taklik kerana menganiayai isteri ini didaftarkan pada 26/1/2000 dan saman kepada YKT telah dihantar pada 4/7/2000 tetapi YKT tidak ditemui. Kemudian kes ini dibatalkan atas permohonan peguam Biro bantuan Guaman yang mewakili YM kerana YM dan YKT telah bercerai dan masing-masing telahpun berkahwin lain.

¹¹ Kes Taklik no. 134/94.

¹² Kes Taklik no. 4/00

Lebih kurang 1/3 kes yang difaikan ditarik balik atau melibatkan 33 kes daripada 100 kes yang difaikan, 33 daripadanya ditarik balik oleh YM. Alasan menarik balik kes yang biasa dikemukakan ialah telah berbaik semula dengan suami, memikirkan kepentingan masa depan anak-anak dan suami telah melafazkan cerai di luar mahkamah¹³.

Terdapat juga kes yang digugurkan kerana kematian YM atau YKT sebelum perintah pengakiman dibuat. Contohnya dalam kes *Azizah binti Omar Iwn Ahmad bin Husin*¹⁴. Kes ini didaftarkan pada 8/5/95 tetapi ditarik balik oleh YM kerana YKT telah meninggal dunia pada 12/1/96 iaitu sebelum keputusan terhadap tuntutan cerai kerana menganiayai isteri dibuat oleh mahkamah.

Selain daripada itu, pengguguran kes berlaku kerana kes dibuang oleh mahkamah. Biasanya mahkamah membuang sesuatu kes kerana ketidakhadiran YM beberapa kali tanpa alasan yang munasabah walaupun surat peringatan telah dihantar.

Contohnya, dalam kes *Rahimah binti Mat Adam Iwn. Mat Rodin bin Ismail*¹⁵. Pasangan ini berkahwin pada 15/06/1979 dan mempunyai tujuh orang anak. Pada September 1998 YKT telah berkahwin seorang lagi dan sejak itu perangainya mula berubah kepada suka memukul YM. Pada 5/9/1999 YKT telah memukul kepala YM

¹³ rujuk bab ketiga dibawah tajuk kecil keputusan mahkamah (h.109)

¹⁴ Kes taklik no.66/95.

¹⁵ Kes taklik no. 173/99.

dengan topi keledar hingga mencederakan YM. Pada 6/9/1999 YM telah membuat laporan polis dan sehari berikutnya iaitu pada 7/9/1999 menerima rawatan perubatan di hospital.

Kes untuk pengesahan cerai talik kerana menganiayai isteri ini telah didaftarkan pada 24/11/1999. Kemudian mahkamah menghantar saman kepada YKT pada 3/7/2000. Tarikh perbicaraan pertama yang diberikan oleh mahkamah ialah pada 23/7/2000. Tetapi YM dan YKT didapati tidak hadir. Selepas itu ia ditunda ke tarikh 3/9/2000, namun kedua-dua YM dan YKT juga tidak hadir. Mahkamah telah menggugurkan kes ini pada 30/10/2000 setelah YM dan YKT gagal hadir untuk perbicaraan sebanyak tiga kali walaupun surat peringatan kes akan dibatalkan jika gagal hadir telah dihantar pada 17/10/2000 dan YM tidak mengemukakan sebarang alasan kepada mahkamah.

4.1.4 Rayuan

Setelah sesuatu kes mendapat penghakiman dan keputusan di peringkat mahkamah rendah, ia masih boleh dipertikaikan jika YKT tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim. YKT masih boleh merayu kepada mahkamah rayuan syariah mengikut prosedur rayuan yang ditetapkan. Di akhir penghakimannya Hakim Mahkamah Rendah Syariah akan memberitahu YKT bahawa sebarang rayuan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghakiman itu.

Seseorang yang tidak puashati dengan keputusan mahkamah, sama ada YM atau YKT, bolehlah mengemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghakiman dibuat. Notis Rayuan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang 35 (Contoh dalam Lampiran 11). Kemudian mahkamah akan menyediakan semua rekod perbicaraan yang lepas dan menghantarnya kepada pihak yang tidak puas hati (dikenali sebagai Pihak Yang Merayu).

Sebagaimana dikehendaki dalam sek. 242 Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984, rekod rayuan hendaklah mengandungi salinan-salinan berikut:

- i. Pliding yang berkaitan
- ii. nota-nota keterangan
- iii. alasan penghakiman
- iv. keputusan
- v. notis rayuan
- vi. semua exhibit dokumen dan semua dokumen lain yang pihak-pihak berkenaan menganggap relevan bagi maksud rayuan.

Setelah rekod rayuan siap, mahkamah akan menghantar notis kepada pihak Yang Merayu. Notis bahawa rekod rayuan telah siap pula hendaklah menggunakan Borang 36 (Lampiran 12).

Pihak Yang Merayu pula dikehendaki menyediakan “musykil ipil” yang dibuat dalam bentuk buku. Musykil ipil ialah kenyataan tidak puas hati Yang Merayu

di mana di dalamnya dijelaskan perkara yang menyebabkan beliau tidak puas hati dan permohonan kepada mahkamah supaya keputusan kesnya dibatalkan atau tidak mensabitkan tuntutan keatasnya atau meminta dibicarakan semula atau meminta mahkamah mengeluarkan perintah lain yang difikirkan patut. Musykil ipil ini disertakan bersama semua nota perbicaraan, surat menyurat, penyata tuntutan dan semua dokumen yang berkaitan dengan perbicaraan di mahkamah sebelumnya.

Buku musykil ipil perlu disediakan dalam tujuh salinan dan diserahkan kepada Mahkamah Rayuan dalam masa 14 hari dari tarikh notis rekod rayuan telah siap. Buku musykil ipil kemudiannya akan diserahkan kepada tiga orang panel hakim rayuan dan pihak Yang Kena Rayu untuk diteliti. Mahkamah juga akan menetapkan tarikh mendengar rayuan berkenaan dan menghubungi Pihak Yang Merayu dan Pihak Yang Kena Rayu melalui surat.

Keputusan rayuan akan diberitahu sebaik sahaja rayuan didengar dan panel hakim selesai berbincang. Satu Sijil Keputusan Rayuan dan Perintah akan dikeluarkan secara rasmi dan dihantar kepada Pihak Yang Merayu, Yang kena Rayu atau peguamnya, Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan panel hakim yang mendengar rayuan berkenaan.

Semua prosedur untuk mengemukakan rayuan ini ada dijelaskan dengan terperinci dalam bahagian 33 Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984 dari sek. 240 hingga sek. 245 (lihat Lampiran 15).

Contoh kes rayuan melibatkan penganiayaan isteri ialah sebagaimana kes *Wan Zulmajdi bin Wan Daud dan Fazila binti Mat Sa'aid @ Abdullah*¹⁶. Wan Zulmajdi sebagai Yang Merayu telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan kes taklik pukul no. 62/94 yang bertarikh 27 September 1994. Dalam keputusannya Hakim telah mensabitkan YKT telah menyakitkan tubuh badan YM dan membenarkan YM memebrikan kepada mahkamah RM1.00 untuk mendapatkan talak khul'ie.

Wan Zulmajdi telah tidak puashati dengan keputusan ini. Beliau telah mengemukakan Notis Rayuan menggunakan Borang 35 kepada mahkamah bertarikh 5 Oktober 1994. Setelah menerima notis rayuan telah siap, beliau telah menyerahkan musykil ipil kepada mahkamah bertarikh 24 Mei 1995. Kemudian mahkamah memberikan tarikh 14 Januari 1996 untuk mendengar rayuan berkenaan.

Kes ini didengar oleh tiga orang panel Mahkamah Rayuan Syariah yang terdiri daripada Dato' Haji Hasbullah bin Mohd. Hassan, Dato' Wan Mohamad bin Wan Mustafa dan Tuan Haji Mohamad bin Yusoff. Setelah mendengar perbicaraan rayuan dan meneliti buku musykil ipil, ketiga-tiga panel Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan sepakat menolak rayuan Wan Zulmajdi bin Wan Daud serta mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. (lihat salinan Buku Musykil Ipil dalam Lampiran 13.)

¹⁶ Kes Rayuan Mal Bil. 8/95.

4.2 Perkara-Perkara Sokongan Untuk Dituntut Melibatkan Prosedur

Mahkamah

Selain hak yang dituntut, beberapa perkara sokongan lain dalam menuntut hak juga perlu mengikut prosedur.

4.2.1 Penyata Tuntutan

Berkenaan penyata tuntutan, ia mesti disediakan kepada mahkamah semasa pendaftaran kes dibuat. Ia hendaklah mengandungi beberapa perkara seperti mana yang tercatat di dalam sek. 55 Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 5/84:

"(1) Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintif atau peguamnya dan hendaklah mengandungi-
(a) nama dan alamat yang terang dan lengkap;
(b) huraian ringkas dalam perenggan-perenggan yang bernombor fakta-fakta yang dihujahkan oleh plaintif dan menunjukkan kausa tindakannya termasuk butir-butir mana-mana keupayaan khas plaintif mendakwa, jika ada;
(c) butir-butir tuntutan yang mencukupi;
(d) kenyataan relief yang dituntut;
(e) apa-apa permohonan lain, dengan syarat bahawa sesuatu tuntutan tidak boleh diterima jika tuntutan itu dibuat selepas daripada lima belas tahun daripada tarikh ia mula berhak membuat tuntutan ini.
(2) Jika plaintif mempunyai lebih dari satu kausa tindakan, alasan itu hendaklah dinyatakan satu persatu."

Bagi penyata tuntutan yang disediakan untuk tuntutan mengesahkan cerai taklik menyakiti tubuh badan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, ia biasanya paling kurang mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. 1>Nama, nombor kad pengenalan dan alamat lengkap YM dan YKT.

- ii. 2.Tarikh dan tempat berkahwin YM dan YKT beserta lampiran salinan surat nikah dan surat taklik (contoh-lihat Lampiran 3).
- iii. 3.Perihal YM dan YKT selepas berkahwin seperti tempat tinggal, pekerjaan dan bilangan anak
- iv. 4.Tarikh, masa dan tempat dimana YKT melakukan perbuatan menyakiti tubuh badan YM, bentuk perbuatan yang dilakukan serta kecederaan yang dialami oleh YM.
- v. 5.Keterangan YM mengenai laporan polis yang dibuat dan rawatan perubatan yang diterima beserta salinan laporan polis, dokumen perubatan, gambar dan sebagainya. (contoh-lihat Lampiran 4,5 dan 6).
- vi. 6.Tuntutan YM yang inginkan agar disahkan cerai taklik sebagaimana peruntukan dalam sek. 37(1) dan (2) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.
- vii. 7.Tarikh dan tanda tangan YM atau peguamnya serta alamat penyampaiannya.

Contoh penyata tuntutan untuk mengesahkan cerai taklik kerana menyakiti tubuh badan boleh dilihat dalam Lampiran 7.

4.2.2 Pendaftaran Kes

Semua kes yang ingin diketengahkan untuk perbicaraan, mesti didaftarkan. Pendaftaran perlu dibuat di pejabat Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dengan membawa dokumen-dokumen yang diperlukan. Dokumen-dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran ialah kad pengenalan dan penyata tuntutan.

Semasa mendaftar juga, pihak YM akan dikenalpasti taraf pemastautinannya untuk mempastikan kesnya di bawah bidangkuasa mahkamah berkenaan. Ini kerana menurut Sek.5 Enakmen Keluarga Islam Kelantan (EKIK) 1983, peruntukan yang terdapat dalam enakmen berkenaan hanya dipakai kepada mereka yang bermukim di negeri Kelantan dan bermastautin di negeri Kelantan tetapi bermukim di luar Kelantan.¹⁷ Bukti pengenalan diri dan pemastautinan ini perlu mendapat pengesahan imam atau penghulu .Bagi mereka yang bukan anak kelahiran Kelantan tetapi telah lama menetap di negeri ini, tuntutan mereka juga diterima untuk dibicarakan jika telah sekurang-kurangnya lima tahun tinggal menetap di negeri ini.

Setelah mengenalpasti taraf pemastautinan dan YM mengemukakan pernyata tuntutan serta menjelaskan bayaran-bayaran tertentu, mahkamah akan memberikan satu tarikh untuk perbicaraan kali pertama. Urusan seterusnya seperti menghubungi YKT dah penyampaian saman akan dibuat oleh mahkamah.

Terdapat beberapa bayaran yang dikenakan kepada pihak yang mengemukakan tuntutan semasa pendaftaran kes. Bagi pendaftaran semua kes mal melalui peguam bayaran akan dikenakan untuk pernyata tuntutan sebanyak RM30.00, saman RM4.00, dan untuk penyampaian saman jumlahnya bergantung kepada jarak. Manakala bayaran untuk memo dan wakalah peguam sebanyak RM4.00. Bagi kes-

¹⁷ Sek. 5 (1) dan (2) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

kes yang didaftarkan melalui Biro Bantuan Guaman pula, cuma dikenakan bayaran untuk saman sebanyak RM4.00. Bayaran-bayaran lain dikecualikan¹⁸.

4.2.3 Prosedur Saksi

Berdasarkan prinsip *al-bayyinat 'ala al-mudda'i wa al-yamin 'ala man ankara* pihak yang mendakwa atau mengemukakan tuntutan mestilah mengemukakan saksi. Dalam kes mal, biasanya saksi datang ke mahkamah bersama-sama YM tanpa perlu sapina sebagaimana lazimnya bagi kes-kes jenayah. Dalam kes tuntutan cerai kerana menganiayai isteri mahkamah biasanya mengingatkan YM agar mengemukakan saksi pada hari perbicaraan. Peringatan ini disebutkan di dalam surat pemakluman tarikh perbicaraan kepada YM.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang ada juga keadaan di mana mahkamah akan mengeluarkan sapina kepada saksi supaya hadir semasa perbicaraan iaitu jika mahkamah merasakan saksi itu perlu untuk kes berkenaan yang mana dalam keadaan ini saksi ini dikenali sebagai saksi mahkamah. Manakala satu lagi keadaan mahkamah juga mengeluarkan sapina jika saksi enggan hadir walaupun telah diminta oleh YM. Saksi ini tetap dipanggil sebagai saksi pendakwa walaupun secara zahir mahkamah yang memanggilnya¹⁹.

¹⁸ Temubual dengan Cik Masriza binti Kadir, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada 28 Oktober 2001

¹⁹ Y.A. Haji Wan Yahya bin Wan Mamat, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada 9.15 pagi, 23 Julai 2001.

Untuk mengesahkan cerai taklik kerana memudaratkan tubuh badan ini, seperti mana dengan cerai taklik jenis lain, memerlukan dua orang saksi lelaki. Sebagaimana kes-kes lain, saksi dalam kes tuntutan mengesahkan cerai taklik kerana menganiayai isteri ini disyaratkan bersumpah bercakap benar sebelum memberikan keterangan. Lafaz sumpah tersebut berbunyi:

"Bismillahirrahmanirrahim, wallahi Dengan nama Allah sesungguhnya saya (nama) bersumpah saya akan bercakap benar tiada apa-apa yang tidak benar melainkan yang benar belaka dan asyhadu saya naik saksi bahawa (cerita perkara atau kejadian yang dilihat atau diketahui)."

Di dalam Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1983, Sek. 104 berkenaan kehadiran saksi berbunyi:

"Seorang yang disapina untuk memberi keterangan hendaklah menghadiri sepanjang perbicaraan, termasuk mana-mana perbicaraan yang telah ditangguhkan, kecuali jika dibebaskan oleh mahkamah."

Saksi yang sempurna untuk kes mengesahkan penganiayaan isteri mestilah dua orang lelaki, baligh, berakal dan tiada tohmah. Menurut Y.A. Haji Wan Yahya, dua orang saksi lelaki adalah paling penting untuk mensabitkan perceraian kerana menganiayai isteri. Hinggakan sekiranya terdapat sebarang keraguan pada saksi, kes tidak boleh disabitkan. Misalnya kes yang membawa kanak-kanak berusia tujuh tahun yang menyaksikan kejadian tidak boleh disabitkan kerana saksi belum baligh.

Jika didapati saksi tidak bercakap benar, mahkamah boleh mendakwa saksi berkenaan diatas tuduhan menghina mahkamah²⁰.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, prosedur memohon pembelaan memudahkan lagi perjalanan sesebuah kes agar lebih teratur. Bagi kes-kes menganiayai isteri di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, prosedur yang menjadi rujukan ialah Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1983.

Semua peringkat perbicaraan perlu mengikut susunan prosedur yang telah ditetapkan, bermula daripada pendaftaran kes, penyediaan penyata tuntutan, cara mendapatkan perintah tegahan, saksi dan lain-lain hingga ke proses rayuan. Sebarang tindakan tidak mengikut prosedur boleh mengakibatkan sesuatu kes tidak sah.

²⁰ Y.A. Haji Wan Yahya bin Wan Mamat, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada 9.15 pagi, 23 Julai 2001.